

## Johor warta kadar uruf zakat emas perhiasan 425 gram

### JOHOR BAHRU -

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mewartakan fatwa kadar uruf zakat emas perhiasan ialah sebanyak 425 gram.

Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad berkata, fatwa itu telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Johor yang bertarikh 9 November lalu mengikut Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen 16 Tahun 2003).

"Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) enakmen tersebut.



YAHYA

"Adalah ditetapkan kadar uruf zakat emas perhiasan di negeri Johor Darul Ta'zim ialah 425 gram.

"Justeru, umat Islam di negeri ini diwajibkan mengeluarkan zakat emas perhiasan apabila jumlah berat emas perhiasan yang dimiliki melebihi kadar uruf dan zakat yang diwajibkan adalah ke atas lebihan daripada kadar uruf tersebut," katanya dalam satu pemberitahuan fatwa

pada Khamis.

Menurut Yahya, proses pewartaan fatwa berkaitan kadar uruf zakat emas perhiasan negeri itu telah dimulakan pada 8 Oktober lalu.

"Sebelum pewartaan ini, kadar uruf

zakat emas perhiasan di negeri ini ialah 850 gram," jelasnya.

Sementara itu, portal rasmi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) menyatakan, emas dan perak yang disimpan atau tidak dipakai, walaupun sekali dalam setahun, sekiranya cukup nisbah 85 gram (emas) atau 595 gram (perak), maka wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5 peratus atas nilai emas dan perak tersebut.

Bagaimanapun, bagi emas yang dipakai sama ada sekali-sekala atau berterusan sepanjang tahun tidak dikenakan zakat, kecuali jika melebihi uruf (nilai pemakaian setempat yang dibenarkan), maka diwajibkan zakat atas lebihan daripada uruf tersebut.

Namun, bagi perak tiada had maksimum ditetapkan.